

05/12/1998

Najib minta sekolah jangan perketat syarat agih buku

YAN, Jumaat - Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, meminta pihak pengurusan sekolah tidak mengenakan syarat terlalu ketat dalam melaksanakan agihan buku teks melalui Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) tahun depan.

Langkah itu bertujuan memastikan lebih ramai murid di sekolah kebangsaan dan menengah agama berpeluang menerima bantuan skim itu dan tidak berlaku pembaziran.

Beliau berkata, walaupun kementerian menetapkan pendapatan ibu bapa murid di sekolah kebangsaan melebihi RM1,500 tidak layak menerima skim berkenaan, buku teks masih boleh diagihkan kepada mereka jika bekalannya berlebihan.

"Saya sudah memaklumkan perkara ini kepada pegawai di kementerian supaya mengarahkan pihak sekolah menggunakan budi bicara mereka dalam mengagihkan pinjaman buku teks," katanya ketika ditemui pada majlis penjelasan isu-isu semasa di sini petang ini.

Sebelum ini, beliau mengumumkan kerajaan bersetuju menaikkan had maksimum kelayakan pinjaman buku teks bagi ibu bapa murid sekolah kebangsaan dan menengah agama daripada RM1,000 kepada RM1,500 sebulan, berkuatkuasa tahun depan.

Berikutan pindaan terhadap syarat kelayakan bagi SPBT yang diluluskan Kabinet awal bulan lalu, semua tanggungan ibu bapa atau penjaga murid di sekolah berkenaan layak menerima pinjaman buku teks.

Najib berkata, jika buku teks masih berbaki selepas diagihkan kepada murid yang layak, ia patut diberi kepada pelajar lain walaupun pendapatan ibu bapa mereka melebihi had kelayakan.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata rakyat Malaysia kini berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan negara, berikutan ada tanda-tanda negara luar mahu campur tangan dalam pentadbiran negara ini.

Beliau berkata, sikap biadab Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore yang menyokong gerakan reformasi menimbulkan kemarahan rakyat kepada pemimpin negara itu yang terkenal sebagai penyokong kuat bangsa Yahudi.

"Malah, kenyataan Al-Gore itu membuka laluan kepada penyatuan rakyat di negara ini dan menguatkan lagi kedudukan kerajaan serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)